

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 24.10.2024 MASA: 05.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL
HAMID**

DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

**MAJLIS JASAMU DIKENANG DAN ANUGERAH
BAKTI SETIA TAHUN 2024**

TARIKH / MASA / TEMPAT

29 OKTOBER 2024 (SELASA)

2.00 PETANG

**ICONIC HOTEL
ICON CITY
BUKIT MERTAJAM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Barisan Whip Ahli Majlis

En Bernard Cheen Goon Hoi

En Zainuddin Bin Mohamed

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

En Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Bahagia Datin Noraishah Binti Hashim

Pengerusi PUSPANITA

Yang Berusaha Encik Mohd Hairol Bin Man

Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Selaku Pengurus Majlis Jasamu

Dikenang & Anugerah Bakti Setia MBSP

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Seluruh Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. atas kurniaan nikmat kesihatan dan rahmat kelapangan, kerana telah mengizinkan kita untuk berkumpul dalam **Majlis Jasamu Dikenang dan Anugerah Bakti Setia Tahun 2024** bagi meraikan 66 orang pesara dan 29 orang pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat selama 25 tahun di MBSP.
2. Sekalung apresiasi kepada Ahli-Ahli Majlis: Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan; Pengurus-Pengurus Persatuan MBSP, warga kerja MBSP dan semua yang hadir bagi menjayakan majlis ini.
3. **Majlis Jasamu Dikenang** merupakan suatu apresiasi khas bagi menghargai jasa dan sumbangan warga MBSP yang telah dan bakal bersara pada tahun ini, atas segala khidmat bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan dengan penuh komitmen.
4. Majlis ini diadakan untuk meraikan **66** orang pesara yang terdiri daripada **29** orang pesara wajib, **12** orang pesara pilihan sendiri, **dua (2)** orang pesara atas sebab kesihatan, **23** orang kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai yang telah meninggal dunia. Pesara,

- bakal pesara dan juga waris kepada pesara akan menerima sijil penghargaan dan cenderahati berupa jam tangan sebagai kenangan-kenangan.
5. Kita semua bakal menempuh alam persaraan. Persaraan bukan suati pengakhiran dalam memberikan khidmat bakti kepada masyarakat. Suka saya tekankan tentang aspek warga emas yang sihat, aktif dan produktif dan izinkan saya berpesan bahawa usia hanyalah angka dan usia tidak patut menghalang kita untuk terus berbakti kepada masyarakat.
6. Pengalaman setiap individu pasti berbeza, namun saya percaya semua pengalaman ini boleh dikongsikan sebagai tauladan untuk warga kerja muda supaya mereka dapat bekerja dan menjalankan tugas dengan lebih cekap dan efisien dalam memenuhi ekspektasi masyarakat.
7. Di kesempatan ini, saya ucapkan selamat maju jaya kepada para pesara dan bakal pesara dalam apa juu bidang yang diceburi. Saya mewakili seluruh warga kerja MBSP mendoakan agar kalian sentiasa dalam lindungan dan keberkatan Allah S.W.T., dikurniakan kesihatan yang baik, dilanjutkan usia dan dipermudah segala urusan.
8. Kebiasaan perhatian lebih diberikan oleh majikan dalam perkara kebijakan pekerja seperti perlindungan kesihatan, percutian, kursus latihan ataupun penajaan menyambung pengajian, tetapi memberi

pengiktirafan juga adalah ‘pakej’ yang perlu diberikan keutamaan dan tidak boleh diabaikan.

9. Oleh itu, **Anugerah Bakti Setia** diadakan bagi mengiktiraf jasa dan khidmat bakti mereka yang telah memberikan perkhidmatan yang terbaik sepanjang berkhidmat bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai selama lebih 25 tahun.
10. Para penerima akan menerima insentif iaitu:-
 - i) Sijil Anugerah Bakti Setia
 - ii) Cenderahati berupa *Ball Pen* berjenama Parker.
11. Syabas dan tahniah kepada kalian yang telah menggalas tanggungjawab yang diamanahkan selama 25 tahun berkhidmat bersama MBSP.
12. Semoga kalian dikurniakan keafiatan dan kekuatan untuk terus berkhidmat bakti kepada MBSP dan masyarakat serta diharap anugerah yang diterima ini menjadi pemangkin semangat dalam memajukan kerjaya sekaligus memberi impak positif sebagai contoh tauladan kepada warga kerja MBSP yang lain.
13. Tuntasnya, saya rasmikan **Majlis Jasamu Dikenang dan Majlis Anugerah Bakti Setia Tahun 2024**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.